



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu 9/2012 (26 Februari hingga 3 Mac 2012)

Pada minggu ke sembilan tahun 2012 iaitu bagi tempoh 26 Februari hingga 3 Mac, sejumlah 567 kes demam denggi dengan dua (2) kematian telah dilaporkan berbanding 602 kes juga dengan dua (2) kematian pada minggu sebelumnya (Lampiran A). Sebanyak enam (6) buah negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Kedah yang meningkat sebanyak 7 kes (58%), Melaka 7 kes (58%), Johor 4 kes (12%), Kelantan 4 kes (10%), Perlis 3 kes (100%) dan Selangor meningkat sebanyak 3 kes (1%).

Pada tahun 2012, bermula dari 1 Januari hingga 3 Mac, sebanyak 4,680 kes dilaporkan, meningkat sebanyak 587 kes atau 14% berbanding 4,093 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011. Pada tempoh yang sama juga, sebanyak 16 kematian akibat demam denggi dilaporkan berbanding hanya 8 kematian pada tahun 2011.

Pada minggu ke sembilan, dua (2) kematian demam denggi dilaporkan, masing-masing dari Kedah dan Pulau Pinang, masing-masing melibatkan surirumah berusia 31 dan 49 tahun. Kedua-duanya yang juga mempunyai sejarah penyakit kencing manis dan darah tinggi, meninggal di Unit Rawatan Rapi hospital dengan sebab

kematian *Dengue Shock Syndrome* dan mengalami kegagalan pada fungsi organ. Hasil pemeriksaan di tempat kediaman salah seorang pesakit mendapati kadar pembiakan Aedes (AI) adalah tinggi iaitu 6.1%. Satu (1) kompaun maksima RM500 juga telah dikeluarkan kepada penghuni premis yang didapati mempunyai pembiakan. Aktiviti gotong-royong melibatkan penduduk setempat bagi membersihkan kawasan persekitaran telah dijalankan untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Sejumlah 130 lokaliti wabak denggi di 18 buah daerah dipantau di seluruh negara, menurun 13 berbanding 143 lokaliti pada minggu sebelumnya. Pada minggu ini, lima (5) lokaliti hotspots dilaporkan di mana empat (4) lokaliti di WP Kuala Lumpur iaitu Flat Desa Tungku Mariam 1 dan Taman Sri Rampai (Jln 76/26) di zon Setapak, Taman Bukit Anggerik B di zon Cheras dan PPR Pantai Ria di zon Klang Lama manakala di Selangor Apartment Taman Setia Balakong di daerah Hulu Langat dengan jumlah kes denggi yang dilaporkan di kawasan *hot spots* adalah sebanyak 38 kes. Kementerian Kesihatan juga telah menjalankan Pemeriksaan Pembiakan Aedes di seluruh negara dan daripada 78,570 premis yang diperiksa, sejumlah 1,083 premis telah dijumpai pembiakan Aedes.

Peningkatan kes dan kematian pada tahun ini perlu diambil serius oleh semua pihak. Tindakan bersepadu masyarakat, jawatankuasa penduduk dan sukarelawan COMBI hendaklah ditingkatkan terutamanya dalam aktiviti pembersihan kawasan masing-masing agar tiada tempat pembiakan Aedes. Skuad Denggi di sekolah atau projek COMBI di kawasan-kawasan yang bermasalah denggi atau mengalami wabak hendaklah digerakkan dengan menjalankan aktiviti mencari dan memusnahkan tempat pembiakan

Aedes pada setiap minggu. Musim cuti persekolahan juga akan bermula tidak lama lagi dan pihak sekolah dinasihatkan supaya melakukan pemeriksaan pembiakan Aedes, terutamanya di tempat-tempat seperti kolam hiasan, pasu bunga dan lanskap yang boleh menakung air. Bagi langkah pencegahan, pihak sekolah diminta supaya memasukkan ubat pembunuh jentik-jentik (Abate) ke dalam tangki pam tandas (cistern) dan semua mangkuk tandas yang mungkin tidak digunakan semasa cuti persekolahan. Kebersihan persekitaran sekolah perlu dipastikan, terutamanya dari bekas-bekas yang boleh menakung air seperti bekas minuman dan makanan.

Kematian dan komplikasi akibat denggi boleh dicegah dengan mendapatkan rawatan awal sekiranya mengalami demam. Anda atau ahli keluarga juga perlu dapatkan rawatan dengan segera terutama yang mempunyai gejala demam denggi yang lain seperti sakit badan, sakit sendi, sakit kepala, sakit belakang mata dan ruam. Bagi para pengamal perubatan di klinik atau hospital, diharap peka dengan situasi demam denggi di tempat anda dan dapat mengenalpasti kes-kes demam denggi. Semua kes samada disahkan atau disyaki demam denggi, mesti dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat dalam masa 24 jam bagi memastikan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi dapat dijalankan dengan secepat mungkin.

**DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

5 Mac 2012

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 9/2012  
(26 Februari hingga 3 Mac 2012)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 9/2012	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 9/2011
		Minggu 9 (26 Feb – 3 Mac 2012)	Minggu 8 (19 – 25 Feb 2012)		
1	Perlis	6	3	33	19
2	Kedah	19 (1)	12	139 (1)	111
3	P. Pinang	10 (1)	19	169 (1)	329 (1)
4	Perak	32	53 (1)	342 (1)	255
5	Selangor	276	273 (1)	2,130 (8)	1,431 (1)
6	WPKL & Putrajaya	43	61	464 (3)	291
7	N. Sembilan	10	11	81 (1)	113
8	Melaka	19	12	142	111
9	Johor	38	34	296	437 (4)
10	Pahang	19	23	150	234 (1)
11	Terengganu	22	24	193	210 (1)
12	Kelantan	43	39	267	169
13	Sarawak	21	27	179	258
14	Sabah	8	10	91 (1)	121
15	WP Labuan	1	1	4	4
	<b>MALAYSIA</b>	<b>567 (2)</b>	<b>602 (2)</b>	<b>4,680 (16)</b>	<b>4,093 (8)</b>

Nota: ( ) Kematian

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 9  
BAGI TAHUN 2012**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	WPKL	Setapak	Flat Desa Tungku Mariam 1	13	44
2	WPKL	Setapak	Taman Sri Rampai (Jln 76/26)	5	39
3	WPKL	Cheras	Taman Bukit Anggerik B (Jln 9/154(No.1-67), 2/154,10- 16/154,23-25/154	8	35
4	WPKL	Klang Lama	PPR Pantai Ria	5	31
5	Selangor	Hulu Langat	Apartment Taman Setia Balakong	7	31